



## **Supplemental Privacy Notice**

The Bank's Standard Chartered Bank Privacy Notice (Malaysia) (Personal, Business and Corporate Banking) ("**Privacy Notice**") in our website [www.sc.com/my/privacy-notice/](http://www.sc.com/my/privacy-notice/) explains how the Bank collects, shares and processes your personal data. You can find the list of third parties with whom the Bank shares your personal data under the heading of "Who may we share your personal data with". The Supplemental Privacy Notice as seen below listed down the third parties that the Bank will not be sharing your personal data with even though they are listed in the Privacy Notice.

### **1. Overview**

This Supplemental Privacy Notice ("**Supplemental Privacy Notice**") explains who we do not disclose your personal data in relation to product/s provided by Standard Chartered Bank Malaysia Berhad and Standard Chartered Saadiq Berhad ("**Bank**") to you. Personal data refers to information that either identifies you or is about you as an individual.

This Supplemental Privacy Notice shall be read together with and supplements the Standard Chartered Bank Privacy Notice (Malaysia) (Personal, Business and Corporate Banking) ("**SC Privacy Notice**"), which is incorporated herein by reference. Please refer to the SC Privacy Notice at <https://www.sc.com/my/privacy-notice/>.

In this Supplemental Privacy Notice, "we", "us" or "our", refers to the Bank, and "you" and "your" shall have the meaning as set out in the SC Privacy Notice.

Capitalised terms used in this Supplemental Privacy Notice, but not specifically defined herein, shall have the meaning as set out in the SC Privacy Notice

We will update this Supplemental Privacy Notice from time to time. You can find the current version date listed at the end of this Supplemental Privacy Notice. If we update this Supplemental Privacy Notice, we will notify you

### **2. Who may we share your personal data with**

Making reference to the "Who may we share your personal data with" contents in the SC Privacy Notice, we will limit the sharing of your personal data with third parties in order to operate effectively in connection with our provision of products and services to you and for the purpose of client servicing.

Despite the third parties listed in the "Who may we share your personal data with" section, the Bank will not be sharing your personal data with the below third parties unless we have obtained a separate explicit consent from you;

- advertising companies and social media platform providers; and/or
- charitable and non-profit organisations; and/or
- market researchers for surveys purpose; and/or
- telemarketing and direct sales agents (excluding the Bank's approved outsourced functions).

### **3. How to get in touch**

If you have any questions about this Supplemental Privacy Notice, please reach out to us at the contact details as set out in the SC Privacy Notice.

### **4. Other terms and conditions**

There may be specific terms and conditions in our banking and product/s agreements that govern the collection, use and disclosure of your personal data. Such other terms and conditions must be read in conjunction with this Supplemental Privacy Notice.

This Supplemental Privacy Notice was updated on 1 November 2023, and may be further updated from time to time. When we update this Supplemental Privacy Notice, we will notify you. By continuing to use our product/s





and/or providing us with your personal data after being notified of updates to this Supplemental Privacy Notice, you hereby consent to your personal data being disclosed, as set out in the SC Privacy Notice and with exclusion as set-out in this Supplemental Privacy Notice (as updated from time to time).

## **Notis Privasi Tambahan**

Notis Privasi Standard Chartered Bank (Malaysia) (Perbankan Peribadi, Perniagaan dan Korporat) ("**Notis Privasi**") di laman sesawang kami [www.sc.com/my/privacy-notice/](http://www.sc.com/my/privacy-notice/) menerangkan bagaimana Bank mengumpul, mengongsi dan memproses data peribadi anda. Anda boleh meneliti senarai pihak ketiga yang mana Bank mengongsi data peribadi di bawah tajuk "Pihak-pihak yang mungkin kami kongsi data peribadi anda". Notis Privasi Tambahan seperti dinyatakan di bawah menyenaraikan pihak ketiga yang mana Bank tidak akan kongsi data peribadi anda kepada mereka walaupun mereka disenaraikan dalam Notis Privasi.

### **1. Ringkasan**

Notis Privasi Tambahan ("**Notis Privasi Tambahan**") ini menerangkan pihak yang kami tidak akan dedahkan data peribadi anda berkaitan dengan produk-produk yang disediakan kepada anda oleh Standard Chartered Bank Malaysia Berhad dan Standard Chartered Saadiq Berhad ("**Bank**"). Data peribadi merujuk kepada maklumat yang mana ianya boleh mengenal pasti anda atau mengenai anda sebagai individu.

Notis Privasi Tambahan ini hendaklah dibaca bersekali dan sebagai tambahan kepada Notis Standard Chartered Bank (Malaysia) (Perbankan Peribadi, Perniagaan dan Korporat) ("**Notis Privasi SC**"), yang dimasukkan di sini sebagai rujukan. Sila rujuk kepada Notis Privasi SC di <https://www.sc.com/my/privacy-notice/>.

Di dalam Notis Privasi Tambahan ini, "kami" atau "kita", merujuk kepada Bank, dan "anda" dan "milik anda" akan membawa maksud seperti ditakrifkan dalam Notis Privasi SC.

Terma berhuruf besar yang digunakan di dalam Notis Privasi Tambahan ini, tetapi tidak ditakrifkan secara khusus di sini, akan membawa makna seperti ditakrifkan di dalam Notis Privasi SC.

Kami akan mengemaskini Notis Privasi Tambahan ini dari semasa ke semasa. Anda boleh mendapatkan tarikh versi semasa yang dinyatakan pada akhir Notis Privasi Tambahan ini. Sekiranya kami mengemaskini Notis Privasi Tambahan ini, kami akan maklumkan kepada anda.

### **2. Pihak-pihak yang mungkin kami kongsi data peribadi anda**

Merujuk kepada kandungan "Pihak-pihak yang mungkin kami kongsi data peribadi anda" di dalam Notis Privasi SC, kami akan menghadkan perkongsian data peribadi anda dengan pihak ketiga untuk beroperasi secara berkesan berkaitan dengan penyediaan produk dan perkhidmatan kami kepada anda, dan bagi tujuan perkhidmatan pelanggan.

Tanpa mengambil kira pihak ketiga yang disenaraikan pada bahagian "Pihak-pihak yang mungkin kami kongsi data peribadi anda", Bank tidak akan kongsi data peribadi anda kepada pihak ketiga di bawah melainkan kami telah mendapatkan kebenaran eksplisit daripada anda;

- syarikat pengiklanan dan penyedia platform media sosial; dan/atau
- organisasi amal dan bukan-berasaskan keuntungan; dan/atau
- penyelidik pasaran untuk tujuan tinjauan; dan/atau
- agen telepemasaran dan jualan langsung (tidak termasuk fungsi sumber luar yang dibenarkan oleh Bank).

### **3. Cara untuk berhubung**

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Notis Privasi Tambahan ini, sila hubungi kami melalui butiran perhubungan seperti dinyatakan di dalam Notis Privasi SC.





#### 4. Terma-terma dan Syarat-syarat yang lain

Mungkin terdapat terma-terma dan syarat-syarat khusus dalam perjanjian perbankan dan produk kami yang mentadbir pengumpulan, penggunaan dan pendedahan data peribadi anda. Terma-terma dan syarat-syarat tersebut mesti dibaca bersama dengan Notis Privasi Tambahan ini.

Notis Privasi Tambahan ini telah dikemaskini pada 1 November 2023, dan mungkin akan dikemaskini semula dari semasa ke semasa. Apabila kami mengemaskini Notis Privasi Tambahan ini, kami akan maklumkan anda. Dengan meneruskan penggunaan produk kami dan/atau menyediakan data peribadi anda kepada kami selepas dimaklumkan mengenai kemaskini Notis Privasi Tambahan ini, anda bersetuju untuk data peribadi anda didedahkan, seperti yang dinyatakan dalam Notis Privasi SC dan dengan pengecualian sebagaimana yang dinyatakan di dalam Notis Privasi Tambahan ini (sebagaimana dikemaskini dari semasa ke semasa).

Version 01 November 2023 / Versi 01 November 2023

